



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERPUSTAKAAN UTM SARAWAK  
PROJEK PELAJAR

**KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PERKHIDMATAN BIRO  
BANTUAN GUAMAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SARAWAK:  
SATU KAJIAN KES DI BAHAGIAN KUCHING.**

OLEH:

**PHILIMOND RANDY  
NIRWAN SIDDICCA SIDEK  
NORAZLAN ROSLI  
MOHAMAD SAFARI MORSHIDI  
RONIE BESRI**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SAMARAHAN  
CAWANGAN SARAWAK  
APRIL 2001**

## **ABSTRAK**

Kertas penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif, menumpukan aspek penyelidikan berkaitan dengan Kajian Penerimaan Masyarakat terhadap Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman dalam Sistem Perundangan di Sarawak: Satu Kajian kes di Bahagian Kuching. Hasil penyelidikan ini terbahagi kepada 5 bab.

Bab Satu memperkenalkan pembaca kepada objektif utama kajian kami terhadap Biro Bantuan Guaman, Bahagian Kuching. Di dalam Bab Satu ini juga, pembaca akan didedahkan dengan Kajian Penerimaan Masyarakat terhadap Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman dalam Sistem Perundangan di Sarawak. Seterusnya kami akan membincangkan akan kewujudannya, fungsi-fungsinya serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam Bab Dua pula, kami akan membincangkan atau memberi ulasan berkenaan dengan tinjauan literasi ataupun tinjauan karya. Kami telah memilih banyak sumber untuk diberi ulasan yang berkaitan dengan tajuk projek kami. Semua ini dapat di lihat dalam Bab dua, di mana kami akan membincangkan secara lebih terperinci serta memberi ulasan terhadap hasil mereka. Selain daripada tinjauan literasi, Bab Dua juga akan memuatkan ujian hipotesis yang telah kami perolehi dalam penyelidikan kami. Ia akan menjawab kepada persoalan yang timbul berkenaan dengan Biro Bantuan Guaman.

Manakala Bab Tiga pula akan membawa pembaca kepada kajian analisa tentang maklumbalas responden mengenai persoalan yang diajukan kepada mereka. Bab ini akan dapat memperlihatkan kita kepada keadaan yang sebenar mengenai Biro Bantuan Guaman. Ia akan memaparkan perbezaan pendapat dan juga persamaan yang dimiliki oleh responden.

## KANDUNGAN

|                           | <b>MUKA SURAT</b> |
|---------------------------|-------------------|
| <b>Surat Penyerahan</b>   | <b>I</b>          |
| <b>Penghargaan</b>        | <b>III</b>        |
| <b>Pendahuluan</b>        | <b>IV</b>         |
| <b>Abstrak</b>            | <b>V</b>          |
| <b>Kandungan</b>          | <b>VII</b>        |
| <b>Senarai Jadual</b>     | <b>IX</b>         |
| <b>Senarai Gambarajah</b> | <b>X</b>          |

### **Bab 1 KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PERKHIDMATAN BIRO BANTUAN GUAMAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SARAWAK: KAJIAN KES DI BAHAGIAN KUCHING**

|  |    |
|--|----|
| 1.0 Pengenalan Kajian                  | 1  |
| 1.1 Latarbelakang Kajian               | 2  |
| 1.2 Objektif Kajian                    | 4  |
| 1.3 Skop Kajian                        | 5  |
| 1.4 Metodologi Kajian                  | 6  |
| 1.5 Pengkonsteran Kajian               | 10 |
| 1.6 Biro Bantuan Guaman Negeri Sarawak | 11 |
| 1.7 Penyata Masalah                    | 13 |

### **Bab 2 TINJAUAN LITERATURE**

|                         |    |
|-------------------------|----|
| 2.0 Tinjauan Literature | 18 |
| 2.1 Hipotesis Kajian    | 23 |
| 2.2 Ujian Hipotesis     | 24 |

### **Bab 3 KAJIAN, ANALISIS SERTA MAKLUMBALAS RESPONDEN TERHADAP KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PERKHIDMATAN BIRO BANTUAN GUAMAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SARAWAK: KAJIAN KES DI BAHAGIAN KUCHING**

|  |    |
|--|----|
| 3.0 Pengenalan                                 | 28 |
| 3.1 Analisa Jantina Responden                  | 28 |
| 3.2 Analisa Umur Responden                     | 30 |
| 3.3 Analisa Mengenai Bangsa Responden          | 31 |
| 3.4 Analisa Agama Responden                    | 32 |
| 3.5 Analisa Mengenai Jenis Pekerjaan Responden | 33 |

## BAB 1

# KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PERKHIDMATAN BIRO BANTUAN GUAMAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SARAWAK: KAJIAN KES DI BAHAGIAN KUCHING

### 1.0 PENGENALAN KAJIAN

Biro Bantuan Guaman adalah satu sistem di mana perkhidmatan nasihat guaman dan perwakilan mahkamah diberikan secara percuma atau dikenakan bayaran yang rendah kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk mendapatkan kemudahan nasihat guaman dari peguam swasta.

Sebagai sebuah negara yang demokrasi, maka salah satu prinsip asas di segi perlembagaan yang harus di amalkan ialah kedaulatan undang-undang<sup>1</sup>. Salah satu makna prinsip tersebut adalah semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan mendapat perlindungan yang saksama tanpa mengira apa jua taraf kedudukan sosial mereka. Prinsip ini terdapat di dalam perlembagaan negara ini di bawah Perkara 8 yang berbunyi :

*“Semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.”<sup>2</sup>*

Dari segi praktiknya seringkali konsep ini tidak mempunyai kesan yang sedemikian walaupun pada zahirnya pelaksanaan undang-undang itu sama rata ke atas golongan yang kaya ataupun miskin, namun perbezaan pada kesan-kesannya masih lagi jelas.

---

<sup>1</sup> Wu Min Aun, Malaysian Legal System, Edisi ke-2, FAJAR BAKTI Sdn. Bhd, 1992, hlm 177.

<sup>2</sup> Wu Min Aun, Malaysian Legal System, Edisi ke-2, FAJAR BAKTI Sdn. Bhd, 1992, hlm 163.

## **2.0 TINJAUAN LITERATURE**

Dalam membuat projek ini kami telah mengambil beberapa sumber yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk membuat tinjauan literature. Pertama sekali kami telah memilih artikel yang dibuat oleh Ali Samat yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1980). Beliau mengatakan pada permulaan penubuhan Biro Bantuan Guaman, ini telah menghadapi berbagai masalah kekurangan kakitangan dan kewangan, tetapi Biro ini telah menunjukkan suatu pencapaian yang amat luar biasa serta menakjubkan dalam proses penyediaan perkhidmatan guaman secara percuma mahupun Cuma dikenakan sedikit bayaran sahaja. Masyarakat khususnya yang tidak berkemampuan dapat menikmati bantuan guaman dari BBG

Di samping itu beliau menambah bahawa tindakan Biro yang cuba menggunakan cara diplomatic di dalam penyelesaian pertelingkahan telah menampakkan kesan- kesan yang begitu ketara serta positif sekali. Biro Bantuan Guaman juga menyediakan perkhidmatan keunseling bagi defendant dan plaintiff. Ini telah memperlihatkan hasil yang optimum dalam mencapai penyelesaian di kedua- dua pihak yang bertelagah. Biro Bantuan Guaman dalam pemberian bentuk khidmat nasihat juga menampakkan keberkesanannya di dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan pertelingkahan yang timbul.

Biro Bantuan Guaman dan perwakilan sepenuhnya juga disediakan oleh Biro untuk mencapai prosedur yang tertentu seperti peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971. ini telah membantu pihak- pihak tertentu dalam menyelesaikan tuntutan mereka. Tuntutan ini termasuklah suatu tuntutan yang agak rumit dan sukar di penuhi oleh defendant. Beliau juga menambah kadangkala defendant acapkali tak memperdulikan